

## **PERNIAGAAN PERUNDANGAN UNDANG-UNDANG KECIL**

### **1. Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MDM) 2013**

- Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MDM) 2013 telah diwartakan di bawah Seksyen 103 Akta Kerajaan Tempatan 1976. Undang-undang ini terpakai di daerah Marang sahaja. Setiap pemegang lesen hendaklah mematuhi dan memastikan perkara-perkara seperti berikut:
  - Lesen hendaklah dipamerkan dan dikemukakan.
  - Hendaklah menjaga dan menyenggara bahagian premis supaya berada dalam keadaan bersih.
  - Hendaklah menyediakan kelengkapan melawan kebakaran.

### **2. Undang-Undang Kecil Penjaja (MDM) 1988**

- Undang-undang ini telah diwartakan pada tahun 1988. Undang-undang ini menerangkan tiada penjaja yang boleh bertindak sebagai penjaja tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Yang Dipertua di bawah undang-undang kecil berkenaan. Permohonan lesen boleh dibuat secara bertulis kepada Yang Dipertua dalam borang yang telah ditetapkan. Tiap-tiap lesen boleh dibatalkan oleh Yang Dipertua pada bila-bila masa tanpa memberi apa-apa sebab. Penjaja hendaklah menjaga kebersihan dan menyediakan tong sampah. Pihak Majlis Daerah Marang berkuasa mengenakan kompaun atau menyita gerai penjaja yang tidak mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak MDM. Segala tuntutan ke atas barang yang disita boleh dibuat dalam tempoh 1 bulan dari tarikh barang-barang itu disita.

### **3. Undang-Undang Kecil Kedai Gunting Rambut dan Pendandan Rambut (MDM) 1989**

- Undang-Undang Kecil Gunting Rambut dan Pendandan Rambut (MDM) 1989 telah diwartakan di bawah Seksyen 103 Akta Kerajaan Tempatan 1976. Setiap pemilik premis perniagaan ini harus mematuhi perkara-perkara seperti berikut:
  - Pendandan harus membersihkan diri dengan menggunakan air yang bersih sebelum melayan pelanggan.
  - Semasa melayan pelanggan, pendandan diharuskan memakai kot atau overall yang bersih dan bersesuaian.
  - Setiap pendandan rambut harus menjalani pemeriksaan doktor dalam tempoh setahun sekali.

### **4. Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan 171) MDM 1984**

- Undang-undang Mengkompaun Kesalahan-kesalahan telah diwartakan di bawah Seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976. Undang-undang ini berkuatkuasa pada 1984. Antara kesalahan-kesalahan yang dikenakan kompaun adalah di bawah Seksyen 69, 70, 74, 75, 76, 78, 82 (5), 91, 107, 109, 140 (2) (a), 160 dan 161 Akta Kerajaan Tempatan. Pihak yang berkuasa untuk mengkompaun kesalahan tersebut adalah Yang DiPertua dan

Setiausaha MDM atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa untuk melaksanakan undang-undang tersebut.

## **5. Undang-Undang Kecil Haiwan Merayau (MDM) 1989**

Undang-Undang Kecil Haiwan Merayau (MDM) 1989 telah diwartakan di bawah Seksyen 73 Akta Kerajaan Tempatan 1976. Undang-undang ini berkuatkuasa pada 1989. Antara peruntukan yang termaktub dalam undang-undang kecil ini adalah seperti berikut:

- Tidak dibenarkan untuk menempatkan atau memelihara lembu/ kerbau/kambing/biri-biri tanpa mempunyai lesen kebenaran yang dikeluarkan oleh Yang Dipertua MDM.
- Yang Dipertua berkuasa untuk mengeluarkan lesen bagi kawasan daerah MDM untuk diwartakan sebagai tempat memelihara haiwan yang tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan.
- Setiap pemegang lesen harus mempamerkan lesen yang disahkan di tempat yang mudah dilihat untuk pemeriksaan oleh Pegawai Kesihatan dan Pegawai MDM.
- Setiap permohonan untuk menggunakan mana-mana tempat sebagai kawasan pemeliharaan haiwan harus mengisi borang yang ditetapkan.
- Setiap lesen yang dikeluarkan di bawah undang-undang kecil ini harus menyatakan maklumat-maklumat seperti nama pemegang lesen, alamat dan lokasi premis, dan bilangan haiwan.
- Yang Dipertua berkuasa untuk membatalkan dan menggantung lesen selama tempoh mengikut budibicaranya terhadap pihak yang melanggar syarat-syarat dalam undang-undang kecil tersebut.
- Setiap lesen yang dikeluarkan mempunyai tempoh tamat pada 31 Disember pada tahun tersebut.
- Yang Dipertua berkuasa untuk menolak pembaharuan lesen yang dikemukakan tanpa sebarang penjelasan.
- Individu yang menggunakan mana-mana tempat di kawasan daerah MDM sebagai tempat memelihara haiwan tanpa lesen yang disahkan adalah menjadi kesalahan mengikut undang-undang kecil.
- Mana-mana haiwan yang merayau di luar dari premis yang berlesen, akan ditangkap atau disita oleh pihak berkuasa MDM dengan kebenaran Yang DiPertua dan Setiausaha Majlis.
- Tiada apa-apa pampasan yang akan diberikan kepada pemilik di atas tindakan lelongan terhadap haiwan mengikut peruntukan di bawah undang-undang kecil ini.
- Yang Dipertua dan Setiausaha atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa khas oleh Yang Dipertua MDM boleh mengenakan kompaun bagi kesalahan-kesalahan mengikut peruntukan di bawah Undang-undang Kecil ini.

## **6. Undang-Undang Kecil Taman (MDM) 1989**

- Undang-undang ini diwartakan pada 1989 di bawah Seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976. Undang-undang ini diadakan bagi menjaga kebersihan dan keharmonian taman di bawah jagaan pihak MDM. Antara kesalahan-kesalahan yang tidak boleh dilakukan adalah seperti merosakkan kemudahan yang disediakan di taman tersebut.

Yang Dipertua boleh menutup sesuatu taman atau mana-mana bahagian daripadanya pada bila-bila masa. Pihak MDM berkuasa mengkompaun sesiapa yang melanggar peraturan yang telah ditetapkan.

**7. Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan 133) MDM 1984**

- Undang-undang Mengkompaun Kesalahan-kesalahan telah diwartakan di bawah Seksyen 133 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974. Undang-undang ini berkuatkuasa pada 1984. Antara kesalahan-kesalahan yang dikenakan kompaun adalah di bawah Seksyen 9, 16, 17, 29, 30, 31, 34, 38, 39, 40, 41, 42, 43, 44, 46, 47, 52, 55, 56, 57, 58, 59, 69(3), 70, 72, 73, 76, 78, 79, 80, 82, 83, 84, 85, 87, 91, 100 dan 121 Akta itu. Pihak yang berkuasa untuk mengkompaun kesalahan tersebut adalah Yang DiPertua dan Setiausaha MDM atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa untuk melaksanakan undang-undang tersebut.

**8. Undang-Undang Kecil Iklan Pilihanraya (MDM) 1990**

- Undang-undang kecil ini diwartakan pada 1990. Tiada seseorang pun boleh mempamerkan atau menyebabkan dipamerkan apa-apa iklan pilihanraya di mana-mana tempat kecuali mengikut permit yang dikeluarkan oleh Yang Dipertua.

**9. Undang-Undang Kecil Pelesenan Tempat Letak Kereta Persendirian (MDM) 1992**

- Undang-undang kecil ini diwartakan pada 1992. Tiada seseorang pun boleh menjalankan suatu tempat letak kereta persendirian melainkan jika ia memiliki lesen yang sah. Pemberian sesuatu lesen hendaklah menurut budibicara Yang Dipertua.

**10. Undang-Undang Kecil Iklan (MDM) 1984**

- Undang-undang kecil ini diwartakan pada 1984. Tiada seseorang pun boleh mempamerkan apa-apa iklan, kecuali melalui kebenaran yang dikeluarkan oleh Yang Dipertua.

**11. Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing (MDM) 1989**

- Undang-undang kecil ini diwartakan pada 1989. Tiada seseorang pun boleh memiliki, menyimpan atau melindungi seseekor anjing yang telah mencapai umur 3 bulan dan ke atas melainkan jika ianya telah dileSENKEN di bawah undang-undang kecil ini.

**12. Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap (MDM) 1992**

- Undang-undang kecil ini diwartakan pada 1992. Penghuni tiap-tiap rumah hendaklah menyediakan dan menyenggarakan tong sampah.

**13. Undang-Undang Kecil Tandas Awam (MDM) 1992**

- Undang-undang kecil ini diwartakan pada 1992. Setiap orang hendaklah menjaga kebersihan tandas awam.

**14. Undang-Undang Kecil Vandalisme (MDM) 1991**

- Undang-undang kecil ini diwartakan pada 1990. Setiap orang tidak dibenarkan melakukan vandalism di mana-mana tempat awam atau persendirian di dalam kawasan Majlis.

**15. Undang-Undang Kecil Stor Kayu dan Kerjakayu (MDM) 1992**

- Undang-undang kecil ini diwartakan pada 1992. Tanah atau bangunan tidak boleh digunakan untuk menyimpan kayu berpotong atau sebagai kilang papan, kilang kayu halus, bengkel tukang kayu atau bengkel perabot kecuali dengan suatu lesen yang diberikan oleh Yang Dipertua.